



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

selangorku

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Fail : MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3 ()

Tarikh : Julai 2014
Ramadhan 1435H

Kepada;

Semua Warga Kerja
(Tetap dan Kontrak)
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ puan,

**PEMBAYARAN BONUS TAHUNAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2014/
1435H KEPADA SEMUA WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM YANG LAYAK**

Dengan hormatnya keputusan Mesyuarat Majlis yang telah diadakan pada 23 Julai 2014 mengenai Bayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014/ 1435H adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Majlis di dalam mesyuaratnya yang telah diadakan pada 23 Julai 2014 telah meluluskan pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014/1435H sebanyak sebulan gaji atau minimum RM500.00 kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam. Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri ini dibayar berdasarkan gaji Jun 2014 dan dibayar pada **18 Julai 2014** bersama-sama dengan bayaran emolumen bulan **Julai 2014**.

3. Pembayaran Bonus ini **layak** dibayar kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang **masih berkhidmat pada 30 Jun 2014**. Warga Kerja MBSA yang layak menerima bonus ini adalah seperti berikut

- i. Pegawai Tetap, Sementara dan Pekerja Sambilan Harian (PSH);
 - ii. Pegawai yang dilantik di bawah Contract of Service dan Contract for Service;
 - iii. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - iv. Pegawai yang bercuti belajar Bergaji Penuh
4. Manakala warga kerja MBSA yang **TIDAK LAYAK** menerima bayaran bonus ini adalah seperti berikut:
- i. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2014 hingga 30 Jun 2014;

- ii. Pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tempoh 1 Januari 2014 hingga 30 Jun 2014;
- ii. Pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh Januari 2014 hingga 30 Jun 2014;
- iii. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tempoh 1 Januari 2014 hingga 30 Jun 2014;
- v. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam sepanjang tahun 2014;
- vi. Pegawai yang **ditangguhkan** pemberian bonus ini adalah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja, pegawai telah menerima surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Lembaga Tatatertib dan pegawai yang kes beliau akan dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib pada bulan **22 Julai 2014**. Pegawai hanya layak dibayar bonus sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan

MB/MFAM/RA - Bonus

s.k. - 1. Datuk Bandar

2. Timbalan Datuk Bandar



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

selangorku

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Fail : MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3 ()

Tarikh : Julai 2014
Ramadhan 1435H

Kepada;

Semua Warga Kerja
(Pekerja Sambilan Harian)
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ puan,

**PEMBAYARAN BONUS TAHUNAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2014/
1435H KEPADA SEMUA WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM YANG LAYAK**

Dengan hormatnya keputusan Mesyuarat Majlis yang telah diadakan pada 23 Julai 2014 mengenai Bayaran Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014/ 1435H adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Majlis di dalam mesyuaratnya yang telah diadakan pada **23 Julai 2014** telah meluluskan pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014/1435H sebanyak sebulan gaji atau minimum RM500.00 kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam.

3. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada enam (6) bulan di Jabatan/ Agensi atau kurang daripada 30 hari pada bulan Jun 2014, pembayaran bonus akan dilaksanakan secara prorata (*proportionate*) atau bayaran minimum RM500.00.

4. Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri ini dibayar berdasarkan gaji Jun 2014 dan dibayar pada **24 Julai 2014** bersama-sama dengan bayaran emolumen bulan **Julai 2014**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)
Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan

MB/MFAM/IRA - Bonus

s.k. - 1. Datuk Bandar

2. Timbalan Datuk Bandar

